

Received	25 August 2024	Accepted	26 August 2024
Revised	30 September 2024	Published	1 December 2024
Volume	5, December 2024	Pages	46-60
http://doi.org/			
To cite: Amnan Awang Ali et. al. 2024. Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al Bayān) berasaskan blog terhadap pelajar UIAM. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 5 (December 2024): 46-60. DOI: http://doi.org/			

Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al Bayān) Berasaskan Blog Terhadap Pelajar UIAM

Arabic Rhetoric (Ilm al-Bayan) Learning Based on Blogs among IIUM Students

Amnan Awang Ali¹, Mohamad Lukman Al-Hakim Md. Noor²
& Nor Amira Aminordin³

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk membantu pelajar bahasa Arab di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam mempelajari 'Ilmu al-Bayan' dengan mereka bentuk prototaip perisian kursus untuk mereka. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metodologi deskriptif dan analitikal yang sistematik, di mana pendekatan deskriptif memerlukan pengkaji mengumpul maklumat tentang 'Ilmu al-Bayan' dan teori-teori pembelajaran melalui blog pendidikan. Di samping itu, terdapat beberapa peringkat prosedur saintifik dalam pendekatan analisis. Pertama sekali, analisis keperluan pelajar telah dijalankan sebelum fasa reka bentuk. Kedua, analisis semakan pakar telah dijalankan semasa fasa reka bentuk. Peringkat seterusnya ialah analisis keputusan ujian pra dan pasca yang dilakukan oleh pelajar. Akhir sekali, analisis penilaian formatif oleh pelajar selepas selesai fasa pembangunan juga dijalankan. Satu prototaip perisian kursus khas dalam pembelajaran 'Ilmu al-Bayan' telah direka bentuk dengan menggunakan blog pendidikan, berdasarkan model reka bentuk pengajaran ADDIE dalam proses reka bentuk dan pembangunan berdasarkan keperluan, pendapat dan cadangan pelajar. Peserta kajian ini adalah seramai 60 orang pelajar (27 orang pelajar telah dipilih semasa fasa analisis keperluan dan 33 orang pelajar telah dipilih

¹ Quranic Language Department (QLD), Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD), IIUM.

² Department of Language and Literacy, Kulliyah of Education (KOED), IIUM.

³ SMA Al-Maarif, Kuantan, Pahang.

semasa ujian pra dan pasca dan juga semasa fasa penilaian). Dua orang pakar telah dipilih daripada bidang *Computer Assisted Instruction* (CAI) dan Retorik Arab semasa fasa analisis keperluan. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti pelajar bersikap positif terhadap pembelajaran ‘Ilmu al-Bayan’ melalui blog pendidikan yang meningkatkan keinginan dan motivasi belajar mereka, di samping meningkatkan pemahaman dan prestasi mereka dalam mempelajari subjek ini.

Kata kunci: Pelajar bahasa Arab, ilmu al-Bayan, prototaip perisian kursus, blog, ADDIE.

Abstract

This study aims to help Arabic language learners at the Department of Arabic Language and Literature of International Islamic University Malaysia (IIUM) learn the ‘Science of al-Bayan’ by designing a prototype courseware. This study was conducted by using systematic descriptive and analytical methodologies, where the descriptive approach required the researcher to gather information about the ‘Science of al-Bayan’ and theories of learning through an educational blog. In addition, the analytical approach had several stages of scientific procedures. First and foremost, learners’ needs analysis was conducted before the phase of design. Secondly, an experts’ review analysis was conducted during the design phase. The next stage was the analysis of the results of pre-and post-tests done by learners. Lastly, the analysis of formative evaluation by the learners after the completion of the development phase was also conducted. A special prototype courseware in learning ‘Science of al-Bayan’ was designed by using an educational blog, based on the ADDIE instructional design model in the design and development process based on students’ needs, opinions, and suggestions. The participants of this study were 60 students (27 students were selected during the needs analysis phase and 33 students were chosen during the pre- and post-tests and also during the evaluation phase). Two experts were selected from the field of Computer Assisted Instruction (CAI) and Arabic Rhetoric during the needs analysis phase. The results of this study showed that the majority of the students were positive about learning ‘Science of al-Bayan’ through the educational blog which increased their learning desires and motivation, while at the same time improved their understanding and performance in learning this subject.

Keywords: Arabic language learner, science of al-Bayan, prototype courseware, blog, ADDIE.

Pendahuluan

Retorik Bahasa Arab adalah antara cabang ilmu linguistik bahasa Arab. Ia terbahagi kepada 3 komponen asas; ilmu al Bayān, ilmu al Ma’āni, dan ilmu al badī’. Kajian

ini adalah berkaitan dengan komponen asas yang pertama iaitu ilmu al Bayān. Dalam ilmu al Bayān, cabang-cabang topik utama termasuklah al Tashbīh, al Haqiqat, al Majāz, al Isti'ārah dan al Kināyah. Para pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar pengkhususan Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mempunyai kesukaran dalam mempelajari kursus Retorik Bahasa Arab yang menyebabkan pelajar-pelajar yang mempelajari kursus ini merasa bosan semasa pengajaran.

Tidak dinafikan terdapat kesukaran bagi pelajar-pelajar yang ingin mempelajari bahasa Arab termasuklah Retorik Bahasa Arab. Antara sebab-sebab ini adalah kerana faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran adalah kerana subjek itu sendiri, kaedah pengajaran, pendekatan, gaya, dan platform penyampaian serta kaedah penilaian (Aminah 2003). Manakala faktor dalaman pula kerana pelajar itu sendiri, dan juga disebabkan oleh guru (Aminah 2003). Aza'za (2003) menyatakan perkara ini apabila beliau mengaitkan kesukaran dalam mempelajari Retorik Bahasa Arab dengan kaedah pengajaran dan cara penyampaian seperti pengabaian dalam penerangan elemen-elemen kesusasteraan Arab, pengabaian dalam pandangan-pandangan pakar dalam bidang Retorik Bahasa Arab, serta tiada panduan guru yang membimbing kaedah yang sesuai dan betul untuk mengajar teks dan Retorik Bahasa Arab.

Seiring perkembangan global, penggunaan komputer secara meluas dalam bidang pembelajaran dan kemahiran bahasa sebenarnya telah muncul pada tahun 1990-an iaitu pada abad yang ke-20 dan ia telah dipengaruhi oleh teori tingkah laku Skinner (Yaakub 1993), yang mana pembelajaran bahasa berasaskan teknologi, inovasi dan perisian pada zaman yang maju ini adalah penting dan menjadi suatu keperluan. Oleh yang demikian, para pengkaji percaya bahawa penggunaan komputer dan teknologi akan memainkan peranan penting dan menyumbang kepada penciptaan pembelajaran yang lebih berkesan pada zaman ini, iaitu zaman kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Berdasarkan dapatan dan keperluan di atas, para pengkaji memilih tajuk ini: "Perlaksanaan Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al Bayān) Berasaskan Blog Terhadap Pelajar UIAM" sebagai model, yang mana ini adalah satu usaha untuk mencari hubung-kait antara penggunaan dan pengaplikasian teknologi moden terhadap keberkesanan dan penerimaan pelajar-pelajar pengkhususan Bahasa dan Kesusasteraan Arab di UIAM dalam meningkatkan prestasi akademik mereka dalam pembelajaran Ilmu al Bayān.

Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian ini:

1. Mengkaji kesukaran yang dihadapi dan strategi pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).
2. Mengetahui pendapat dan cadangan pelajar terhadap pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan) menggunakan blog berasaskan komputer.
3. Mereka bentuk blog berasaskan komputer dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan) berdasarkan pendapat dan cadangan pelajar.

4. Menyelidik keberkesanan penggunaan blog berasaskan komputer dalam meningkatkan prestasi pelajar dalam memahami Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).
5. Mengetahui penerimaan pelajar dalam penggunaan blog berasaskan komputer dalam meningkatkan prestasi mereka dalam memahami Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian yang berbentuk kajian secara kuantitatif. Para pengkaji telah memilih kriteria-kriteria yang berikut dalam menentukan populasi dan sampel kajian:

Populasi dan Sampel Kajian

1. Populasi kajian terdiri daripada pelajar pengkhususan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Bahasa dan Kesusasteraan Arab) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang bukan penutur jati Bahasa Arab. Seramai 60 orang pelajar telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian dan mereka dibahagikan kepada 2 kumpulan. Kumpulan pertama adalah sampel kajian untuk peringkat sebelum proses pembangunan blog. Bilangan mereka adalah seramai 27 orang dan terdiri daripada pelajar Tahun 1 hingga Tahun 4 dan berada pada semester 1. Mereka diminta untuk menjawab borang soal selidik pertama iaitu untuk menganalisis keperluan mereka terhadap penggunaan blog dalam mempelajari Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan). Manakala untuk kumpulan kedua iaitu sampel kajian untuk peringkat pasca reka bentuk dan pembangunan blog pula, para pengkaji telah memilih pelajar yang mengikuti kursus Ilmu al Bayān (ARAB 2212) pada semester 2. Bilangan mereka adalah seramai 33 orang. Mereka telah diminta untuk menduduki ujian Pra. Selain itu, eksperimen penggunaan dan pelaksanaan blog juga dijalankan kepada mereka. Mereka juga seterusnya menduduki ujian Pasca. Akhir sekali, mereka diminta untuk menjawab borang soal selidik kedua iaitu untuk menilai keberkesanan dan penerimaan mereka terhadap penggunaan blog sebagai alat bantu mengajar untuk mereka mempelajari kursus ilmu al Bayān (ARAB 2212). Sebagai kesimpulan, jumlah keseluruhan sampel kajian ini adalah seramai 60 orang pelajar, dan mereka mengambil bahagian dalam peringkat sebelum dan selepas proses mereka bentuk dan membangunkan blog.
2. Kajian ini berbentuk kajian lapangan dan kedua-dua borang soal selidik telah diedarkan kepada sampel kajian. Borang soal selidik pertama ialah soal selidik analisis keperluan manakala borang soal selidik kedua ialah soal selidik penilaian formatif. Kedua-dua borang soal selidik ini penting kerana kedua-duanya merupakan sumber penting untuk kajian ini dalam mengenalpasti keperluan pelajar terhadap penggunaan blog dalam mempelajari kursus ilmu al Bayān (ARAB 2212). Selain itu, untuk menilai keberkesanan dan penerimaan penggunaan blog ini sebagai alat bantu mengajar untuk mereka mempelajari kursus ini.

3. Dari segi kepakaran untuk proses penilaian blog iaitu semasa proses reka bentuk dan pembangunannya, para pengkaji telah memilih pensyarah-pensyarah pakar dari Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 2 orang pakar telah dipilih. Pakar pertama ialah pakar dalam bidang pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua dan teknologi pendidikan. Manakala pakar kedua ialah pakar dalam bidang Ilmu al Balāghah.

Bahan Pengajaran Yang Digunakan

Para pengkaji telah memilih 2 buah buku rujukan untuk dijadikan bahan pengajaran untuk diletakkan di dalam isi kandungan blog. Yang pertama ialah: buku “البلاغة: بين البيان والبدع” yang ditulis oleh Dr. Fahd Khalil Zayed, dan yang kedua: buku “علم البلاغة: المعاني والبيان” yang ditulis oleh Prof Dr. Zamri Arifin bersama rakan-rakannya. Kedua-dua buku ini dipilih untuk proses penyediaan isi kandungan pembelajaran adalah kerana ia mengandungi pendekatan bersepadu pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al Bayān) dan sesuai untuk direka bentuk dan dibangunkan ke dalam bentuk blog.

Isi kandungan kedua-dua buku ini terdiri daripada 12 topik yang penting dan dibahagikan kepada enam bahagian:

1. Bahagian pertama: merangkumi empat topik mengenai Al Tasybih (Perumpamaan).
2. Bahagian kedua: merangkumi dua topik mengenai Al Haqiqat (Hakikat) dan Al Isti’arah (Metafora).
3. Bahagian ketiga: merangkumi dua topik mengenai Al Isti’arah (Metafora).
4. Bahagian keempat: merangkumi satu topik mengenai Al Majaz (Peminjaman kata).
5. Bahagian kelima: merangkumi dua topik khas mengenai Al Majaz (Peminjaman kata).
6. Bahagian keenam: merangkumi satu topik mengenai Al-Kinayah (Kiasan).

Setiap bahagian diikuti dengan pembacaan teks yang datang dalam bentuk dwi-bahasa (bahasa Arab dan Melayu), dan kemudiannya diikuti dengan latihan sendiri. Melihat kepada kesesuaian kandungan kedua-dua buku ini, adalah wajar bagi para pengkaji untuk mengembangkannya dalam bentuk blog. Ia bertujuan untuk merangsang motivasi pelajar dan mendorong mereka untuk mempelajari kursus ilmu al Bayān (ARAB 2212) secara sendiri, dan mengadaptasikan suasana ini untuk meningkatkan pemahaman dan prestasi akademik mereka di dalam pembelajaran kursus ini.

Instrumen Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, para pengkaji telah menggunakan beberapa instrument kajian sepertimana yang berikut:

1. Soal selidik analisis keperluan
2. Temu bual dengan pakar bidang
3. Ujian Pra dan ujian Pasca
4. Soal selidik penilaian formatif

Perbincangan Dapatan Kajian dan Saranan

Kajian rintis telah dijalankan untuk mencari nilai skor kebolehpercayaan alpha Cronbach Alpha bagi soal selidik untuk bahagian ini iaitu soal selidik analisis kepeluan dan skornya adalah (0.957). Skor ini dianggap boleh diterima dan tinggi, dan boleh diterima pakai dalam kajian ini, kerana Pallant (2007) menyatakan bahawa alpha Cronbach boleh diterima dalam sesuatu kajian jika skornya melebihi (0.7). Para pengkaji membahagikan kriteria pengukuran untuk semua instrumen soal selidik dalam bahagian ini kepada 5 tahap pada skala Likert: (Sangat Setuju), (Setuju), (Tidak Pasti), (Tidak setuju), dan (Sangat Tidak Setuju).

Kesukaran yang Dihadapi Pelajar dan Strategi Pelajar dalam Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan)

1. Analisis Kesukaran yang Dihadapi Pelajar dalam Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

Jadual 1: Analisis Kesukaran yang Dihadapi Pelajar dalam Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

No.	Item	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Penilaian Gred
1.	Saya tidak menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti dan memahami ilmu al Bayān dalam teks.	3.13	1.060	Sederhana
2.	Saya tidak menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti dan memahami ilmu al Bayān kerana saya mempelajarinya di dalam kelas dan dalam mata pelajaran tertentu.	3.20	1.265	Sederhana
3.	Saya menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti dan memahami ilmu al Bayān kerana saya tidak banyak membaca buku bahasa Arab.	3.33	1.047	Sederhana
4.	Saya menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti dan memahami ilmu al Bayān kerana ia berkait rapat dengan budaya Arab.	3.60	0.910	Tinggi
5.	Saya menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti dan memahami ilmu al Bayān kerana tidak berada dalam persekitaran bahasa Arab.	3.20	1.082	Sederhana
6.	Saya menghadapi kesukaran untuk mengenalpasti dan memahami ilmu al Bayān kerana kurangnya minat untuk mempelajarinya selepas waktu kelas.	3.13	0.990	Sederhana

Melihat kepada jadual 1 di atas, para pengkaji mendapati bahawa sebab yang paling sukar dihadapi pelajar dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan) adalah kerana ia berkait rapat dengan budaya Arab, kerana skor min mencapai (3.60) dengan penilaian gred tinggi berbanding dengan sebab-sebab yang lain. Oleh itu, salah satu dapatan penting dalam kajian ini ialah pelajar menghadapi kesukaran dalam pembelajaran ilmu al Bayān. Hal ini disebabkan oleh beberapa sebab, yang pertama ialah pelajar tidak membaca buku Arab secara meluas, yang tidak membantu mereka mengenalpasti, memahami, dan mengenalpasti ilmu al Bayān di dalam teks. Yang kedua ialah kerana ilmu al Bayān itu sendiri yang mempunyai hubungan yang rapat dengan budaya Arab, yang membawa kepada kesukaran dan kekurangan pemahaman. Manakala yang ketiga ialah kerana pelajar tidak menjalankan kelas dan aktiviti tambahan selepas kelas formal di sekolah, seperti berbincang dengan guru-guru dan rakan-rakan selepas tamat kelas, dan budaya ini tidak membantu mereka untuk lebih memahami pembelajaran kursus ilmu al Bayān.

2. Analisis Strategi Pelajar dalam Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

Jadual 2: Analisis Strategi Pelajar dalam Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan)

No.	Item	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Penilaian Gred
1.	Penggunaan kaedah tradisional	3.27	1.280	Sederhana
2.	Penggunaan kamus bahasa Arab	3.87	1.125	Tinggi
3.	Manfaat terjemahan di Internet	3.53	1.125	Tinggi
4.	Rangkaian sosial	3.07	1.223	Sederhana
5.	Penggunaan laman web dan blog	3.87	1.060	Tinggi
6.	Pembelajaran berbantuan komputer	3.13	1.407	Sederhana
7.	Pembelajaran koperatif	3.93	0.961	Tinggi
8.	Pembelajaran sendiri	3.80	1.146	Tinggi

Melihat kepada jadual 2 di atas, para pengkaji mendapati bahawa pelajar lebih menggemari kaedah pembelajaran koperatif iaitu pembelajaran dalam kumpulan kecil yang heterogen sebagai salah satu strategi mereka dalam pembelajaran Ilmu al Bayān, kerana skor min mencapai (3.93) dengan penilaian gred tinggi, iaitu skor min tertinggi berbanding yang lain. Daripada keputusan ini, para pengkaji merumuskan bahawa kebanyakan pelajar menggunakan dan bergantung kepada kaedah ini sahaja seolah-olah tiada strategi lain terutamanya strategi berasaskan teknologi berdasarkan pemerhatian daripada dengan jadual 3 di atas.

Analisis Pendapat dan Cadangan Pelajar Terhadap Ciri-ciri Blog untuk Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan)

1. Analisis elemen-elemen blog yang dicadangkan untuk dibangunkan.

Jadual 3: Analisis Elemen-elemen Blog yang Dicadangkan untuk Dibangunkan

No.	Elemen	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Penilaian Gred
1.	Halaman Utama	3.93	1.100	Tinggi
2.	Tutorial Persendirian	4.33	1.047	Tinggi
3.	Teks	4.13	1.187	Tinggi
4.	Audio	4.33	1.047	Tinggi
5.	Animasi	4.33	1.113	Tinggi
6.	Imej	4.33	1.113	Tinggi
7.	Latihan	4.53	1.060	Sangat Tinggi
8.	Permainan Bahasa	4.33	1.234	Tinggi
9.	Interaktif	4.20	1.082	Tinggi
10.	Mesra Pengguna	4.27	1.163	Tinggi
11.	Terjemahan	4.13	1.246	Tinggi
12.	Pautan	3.80	1.146	Tinggi
13.	Isi Kandungan	4.07	1.100	Tinggi
14.	Kaedah Pengajaran	3.73	1.280	Tinggi

Melihat kepada jadual 3 di atas, para pengkaji mendapati kebanyakan pelajar menyokong idea memasukkan ciri-ciri tersebut semasa proses mereka bentuk dan membangunkan blog dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan). Berdasarkan keputusan ini, secara tidak langsung ia menyokong fakta bahawa elemen-elemen penting yang perlu ada dalam blog termasuklah halaman utama, tutorial persendirian, teks, audio, animasi, imej, latihan, permainan bahasa, interaktif, mesra pengguna, terjemahan, pautan, isi kandungan dan kaedah pengajaran. Kesemua elemen ini berdasarkan kepada penilaian pelajar.

2. Analisis Pendapat dan Cadangan Tambahan Pelajar.

Jadual 4: Analisis Pendapat dan Cadangan Tambahan Pelajar

No.	Elemen	Pendapat dan Cadangan
1.	Halaman Utama	Menggunakan warna yang pelbagai dan menarik.
2.	Animasi	Menyediakan slaid dan nota berwarna-warni.
3.	Permainan Bahasa	Menambahkan permainan interaktif pada tahap yang berbeza.
4.	Terjemahan	Menterjemahkan teks daripada bahasa Arab kepada bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu.
5.	Isi Kandungan	Menggunakan bahasa yang mudah dan ringkas.

Analisis Penilaian Keberkesanan dan Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Blog Ez-Bayan dalam Meningkatkan Kefahaman dan Prestasi Akademik Pelajar dalam Pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan)

Para pengkaji mengedarkan borang soal selidik kedua untuk bahagian ini iaitu soal selidik penilaian formatif. Ia bertujuan untuk menentukan keberkesanan dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan blog sebagai kaedah pembelajaran atau alat bantu mengajar dalam meningkatkan kefahaman dan prestasi akademik pelajar dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji memilih pelajar yang mendaftar kursus Ilmu al Bayān (ARAB 2212) pada semester 2 untuk dijadikan sampel kajian dan jumlah mereka adalah seramai (33) orang pelajar.

Para pengkaji membahagikan soal selidik penilaian formatif kepada empat bahagian; bahagian A: maklumat peribadi, bahagian B: ciri-ciri blog Ez-Bayan yang dibangunkan, bahagian C: isi kandungan blog Ez-Bayan yang dibangunkan dan bahagian D: soalan terbuka tentang kelebihan dan kekurangan blog Ez-Bayan serta cadangan-cadangan lain. Hasil daripada soal selidik penilaian formatif ini dapat diperhatikan melalui data seperti yang dinyatakan berikut:

1. Analisis Penilaian Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Blog yang Dibangunkan.

Jadual 5: Analisis Penilaian Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Blog yang Dibangunkan

No.	Item	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Penilaian Gred
B1.	Antara muka pengguna yang direka bentuk adalah menarik	4.24	0.56	Tinggi
B2.	Tulisan teks yang digunakan adalah sesuai	4.09	0.58	Tinggi
B3.	Tulisan teks yang digunakan boleh dibaca	4.15	0.67	Tinggi
B4.	Imej yang digunakan menarik	4.27	0.57	Tinggi
B5.	Bunyi input adalah jelas	4.24	0.66	Tinggi
B6.	Animasi yang digunakan adalah sesuai	4.42	0.50	Tinggi
B7.	Warna yang digunakan adalah sesuai	4.03	0.64	Tinggi
B8.	Interaktif	4.27	0.45	Tinggi
B9.	Tutorial Persendirian	4.24	0.50	Tinggi
B10.	Mesra Pengguna	4.24	0.56	Tinggi
B11.	Prestasi keseluruhan blog adalah cemerlang	4.24	0.44	Tinggi

2. Analisis Penilaian Pelajar Terhadap Isi Kandungan blog yang Dibangunkan.

Jadual 6: Analisis Penilaian Pelajar Terhadap Isi Kandungan Blog yang Dibangunkan

No.	Item	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Penilaian Gred
C1.	Isi kandungan blog adalah berkaitan dengan topik	4.55	0.51	Sangat tinggi
C2.	Isi kandungan blog adalah sesuai	4.58	0.50	Sangat tinggi
C3.	Isi kandungan blog yang dipaparkan adalah dalam susunan topik yang sesuai	4.33	0.65	Tinggi
C4.	Isi kandungan blog memaparkan maklumat yang sesuai dengan topik yang akan dipelajari	4.39	0.50	Tinggi
C5.	Isi kandungan blog menerangkan topik dan konsep dengan baik	4.42	0.56	Tinggi
C6.	Contoh-contoh yang diberikan dalam kandungan blog adalah jelas	4.48	0.51	Tinggi
C7.	Blog menyediakan sumber-sumber tambahan yang lain	4.24	0.61	Tinggi
C8.	Latihan yang disediakan adalah mencukupi	4.06	0.61	Tinggi
C9.	Latihan yang disediakan adalah pelbagai	4.21	0.60	Tinggi
C10.	Isi kandungan blog membantu saya memahami topik	4.33	0.48	Tinggi
C11.	Isi kandungan blog adalah mencapai objektif pembelajaran	4.42	0.50	Tinggi
C12.	Isi kandungan blog secara umumnya adalah berguna	4.39	0.50	Tinggi
C13.	Kaedah penyampaian isi kandungan blog secara umumnya adalah cemerlang	4.30	0.53	Tinggi

3. Analisis Soalan Terbuka Tentang Kelebihan Dan Kekurangan Blog Serta Cadangan-cadangan Lain.

Jadual 7: Analisis Soalan Terbuka Tentang Kelebihan dan Kekurangan Blog Serta Cadangan-cadangan Lain

No.	Item
1.	Kelebihan Blog
	1. Gambar-gambar yang digunakan adalah menyeronokkan dan menarik untuk menerangkan topik yang disampaikan.
	2. Animasi dan video yang dipersembahkan di dalam blog menarik dan membantu pelajar memahami pelajaran.
2.	Kekurangan Blog
	1. Penggunaan warna yang pelbagai dan berbeza pada semua halaman blog adalah tidak sesuai kerana berlakunya percampuran warna.
	2. Isi kandungan blog tidak mencukupi.

No.	Item
3.	<p>Cadangan-Cadangan Lain</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membangunkan blog elektronik bukan sahaja berkaitan ilmu al Bayān, malah perkhidmatan tersebut hendaklah merangkumi subjek-subjek lain, iaitu mempelajari ilmu-ilmu bahasa Arab yang lain seperti tatabahasa (Nahu), morfologi (Sorf) dan lain-lain, bagi memudahkan mengulang kaji pelajaran untuk pelajar. 2. Menambah banyak video pada blog, mengeksportnya, menghantarnya ke Facebook dan mendapatkan pautan kongsi di blog ini.

4. Analisis Keputusan Daripada Ujian Pra dan Ujian Pasca

Para pengkaji membentangkan keputusan bagi kedua-dua Ujian Pra dan Ujian Pasca yang dijalankan ke atas sampel kajian iaitu kumpulan sasaran yang terdiri daripada pelajar yang mendaftar kursus Ilmu al Bayān (ARAB 2212) pada semester 2 dan bilangan mereka adalah seramai (33) orang pelajar. Markah penuh untuk kedua-dua ujian ini ialah 100. Keputusan ini dinilai mengikut 5 tahap, seperti yang dinyatakan dalam jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Penilaian Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca

Markah	Penilaian
0 – 49	Lemah
50 - 59	Lulus
60 - 69	Baik
70 - 79	Sangat Baik
80 - 100	Cemerlang

Keputusan ujian Pra dan ujian Pasca adalah di dalam Jadual 9 seperti berikut:

Jadual 9: Keputusan ujian Pra dan ujian Pasca

No.	Kumpulan Sasaran		
	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)	Perbezaan (%)
1.	50.00	70.00	+ 20.00
2.	15.00	85.00	+ 70.00
3.	85.00	95.00	+ 10.00
4.	20.00	85.00	+ 65.00
5.	85.00	90.00	+ 5.00
6.	15.00	70.00	+ 55.00
7.	25.00	40.00	+ 15.00
8.	35.00	50.00	+ 15.00
9.	30.00	80.00	+ 50.00
10.	65.00	75.00	+ 10.00

11.	50.00	85.00	+ 35.00
12.	5.00	35.00	+ 30.00
13.	55.00	55.00	-
14.	45.00	50.00	+ 5.00
15.	40.00	50.00	+ 10.00
16.	30.00	70.00	+ 40.00
17.	30.00	50.00	+ 20.00
18.	30.00	80.00	+ 50.00
19.	55.00	75.00	+ 20.00
20.	55.00	65.00	+ 10.00
21.	25.00	70.00	+ 45.00
22.	65.00	65.00	-
23.	25.00	60.00	+ 35.00
24.	15.00	70.00	+ 55.00
25.	55.00	65.00	+ 10.00
26.	45.00	60.00	+ 15.00
27.	25.00	70.00	+ 45.00
28.	45.00	70.00	+ 25.00
29.	35.00	35.00	-
30.	65.00	70.00	+ 5.00
31.	60.00	65.00	+ 5.00
32.	55.00	70.00	+ 15.00
33.	60.00	65.00	+ 5.00
Skor Min	42.27	65.00	+ 22.73
Sisihan Piawai	20.00	16.40	- 3.6

Daripada keputusan ini, didapati bahawa ujian Pra bagi kumpulan sasaran mempunyai skor min sebanyak (42.27). Kemudian skor min ini meningkat kepada (65.00) dalam ujian Pasca.

Selain itu, jadual ini juga menunjukkan kepada kita bahawa pelajar memperoleh keputusan yang lemah dalam ujian Pra berbanding dengan ujian Pasca. Ini kerana mereka tidak memahami Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan) dengan baik, dan mereka juga tidak mengingati topik-topik penting di dalam kursus itu dengan baik. Setelah itu, selepas pelajar diberikan satu tempoh masa untuk mempelajari Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan) secara sendiri menggunakan blog, pelajar memperoleh markah yang lebih tinggi di dalam ujian Pasca. Para pengkaji mendapati bahawa penggunaan dan pengaplikasian blog telah menggalakkan mereka untuk mengulang-kaji dan memahami Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

Oleh yang demikian, boleh dikatakan terdapat peningkatan dari segi markah dalam kebanyakan sampel kajian untuk ujian Pasca, selepas mereka menggunakan dan mengaplikasikan blog. Blog ini dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

5. Ujian-T (T-Test)

Para pengkaji telah menjalankan ujian-t dan menggunakan Ujian-T Sampel Berpasangan. Ini adalah untuk menentukan perbezaan keputusan yang diperolehi pelajar daripada kedua-dua ujian Pra dan Ujian Pasca. Tujuan proses ini adalah untuk menentukan keberkesanan penggunaan dan pengaplikasian blog dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan).

Bagi mengetahui perbezaan antara keputusan ujian Pra dan keputusan ujian Pasca, skor min dan sisihan piawai dalam keputusan sampel kajian di dalam kedua-dua ujian telah dianalisis. Para pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara keputusan kedua-dua ujian. Hasil ujian menunjukkan skor min untuk ujian Pasca (skor min = 65.00, sisihan piawai = 16.40) adalah lebih tinggi secara signifikan dari skor min untuk ujian Pra (skor min = 42.27, sisihan piawai = 20.00); Nilai T, $t(32) = (-5.697)$, $F = (0.000)$. Jadual 10 menunjukkan perbandingan antara keputusan ujian Pra dan ujian Pasca.

Jadual 10: Perbandingan Antara Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pasca.

No.	Ujian	Skor Min	Sisihan Piawai	t	Sig.	F
1.	Pra	42.27	20.00	-5.697	32	0.000
2.	Pasca	65.00	16.40			

Keputusan ujian-t dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa $F = (0.000)$ adalah lebih kecil daripada (0.050) , yang menunjukkan bahawa keputusan mempunyai kepentingan statistik, dan keputusan ini menunjukkan bahawa perbezaan keputusan ujian Pra dan keputusan ujian Pasca adalah perbezaan yang signifikan secara statistik, iaitu terdapat perbezaan yang ketara antara keputusan ujian Pra dan keputusan ujian Pasca.

Penutup

Dalam kajian ini, para pengkaji telah mereka bentuk dan membangunkan sebuah blog dalam pembelajaran Retorik Bahasa Arab (Ilmu al-Bayan) untuk pelajar Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan di UIAM. Blog ini telah direka bentuk berasaskan model instruksional ADDIE. Blog ini memfokuskan kepada topik yang terdapat dalam pembelajaran kursus Ilmu al Bayān (ARAB 2212), termasuk: 1. *Al Tasybih* (Perumpamaan), 2. *Al Haqiqat* (Hakikat), 3. *Al Majaz* (Peminjaman kata), 4. *Al Isti'arah* (Metafora), dan 5. *Al-Kinayah* (Kiasan). Para pengkaji terlebih dahulu menguji blog ini kepada beberapa orang pakar iaitu dalam bidang teknologi pendidikan, dan juga dalam bidang Retorik Bahasa Arab, iaitu untuk mengkaji kualiti dan kesahihan blog dari segi kandungan, teknik, dan kesenian sebelum mengujinya kepada sampel kajian. Para pengkaji berharap percubaan ini akan menjadi antara percubaan yang menyeronokkan dan menarik berkaitan dengan topik ini secara khususnya, serta dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menggunakan komputer secara umumnya.

Rujukan

1. Abdul Hamid, A. 2012. *E-Learning: is it the “E” or the learning that matters?* Internet and Higher Education, Issue 4, 311–316.
2. Ahmed, I. 2010. *Integrating internet in teaching Arabic language - a new approach of teaching Arabic language*. U.S.A: LAP LAMBERT Academic Publishing AG & Co. KG.
3. Ariffin, Z. 2014. *Ilmu Balaghah (Al-Ma’ni dan Al-Bayan)*. Darul Syakir Enterprise.
4. Campbell, A. P. 2003. *Weblogs for use with ESL classes*. The Internet TESL Journal, Vol. IX (2).
5. Campbell, A. P. 2005. *Weblog applications for EFL/ESL classroom logging: a comparative review*, 9(3).
6. Churchill, D. 2009. *Educational applications of web 2.0: using blogs to support teaching and learning*. British Journal of Education Technology, 40(1): 179–183.
7. Clarke, A. 1952. *Designing computer-based learning materials*. Gower Publishing Company.
8. Crane, B. E. 2000. *Teaching with the internet: strategies and models for K-12*. New York: Neal-Schuman Publishers.
9. Danks, S. 2011. *The ADDIE model: designing, evaluating instructional coach effectiveness*. ASQ Primary and Secondary Education Brief, 4(5).
10. Deng, L., & Yuen, A. 2011. *Towards a framework for educational affordances of blogs*. Computers and Education, 56(2): 441–451.
11. Duda, G., & Garrett, K. 2008. *Blogging in the Physics classroom: a research-based approach to shaping students' attitudes toward Physics*. American Journal of Physics, 76(11): 1054–1065.
12. Duffy, P., & Bruns, A. 2006. *The use of blogs, wikis, and RSS in education: a conversation of possibilities*. In Proceedings Online Learning and Teaching Conference 2006, 31–38, Brisbane.
13. Eshet-Alkalai, Y. 2004. *Digital Literacy: A conceptual framework for survival skills in the digital era*. Journal of Educational Multimedia and Hypermedia, 13(1), 93–106.
14. Garrison, D. R., & Anderson, T. 2003. *E-Learning in the 21st century: a framework for research and practice*. London: Routledge Falmer.
15. Horvath, J. 2009. *Hungarian University Students’ Blog in EFL: shaping language and social connections*, 12(4).
16. Mayer, R. E. 2001. *Multimedia learning*. UK: Cambridge University Press.
17. Pallant, J. 2007. *SPSS survival manual: a step by step guide to data analysis using SPSS for Windows*. Berkshire: Open University Press.
18. Richardson, W. 2006. *Blogs, wikis, podcasts, and other powerful web tools for classrooms*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
19. Scheidt, L. 2009. *Diary weblogs as genre*. Retrieved from: http://www.professional-lurker.com/linked/2009/qp/Diary_Weblogs_as_Genre2009.pdf.

20. Sim, J., & Hew, K. 2010. *The use of weblogs in higher education settings: a review of empirical research*. Educational Research Review, 5, 151–163.
21. Singer, J. 2008. *Posting for points: edublogs in the JMC curriculum*. Journalism and Mass Communication Educator, 63(1), 10–27.
22. Taylor, J. C. 2001. *Fifth generation distance education*. E-Journal of Instructional Science and Technology (e-JIST), 4(1).
23. Wang, H. 2008. *Exploring educational use of blogs in U.S. education*. US-China Education Review, 5(10), 34–38.
24. Williams, J., & Jacobs, J. 2004. *Exploring the use of blogs as learning spaces in the higher education sector*. Australasian Journal of Educational Technology, 20(2), 232–247.
25. Wu, C. 2005. *Blogs in TEFL: A new promising vehicle*.
26. Wu, W. 2004. *Using blogs in an EFL writing class*.
27. Yamauchi, M. 2009. *Integrating internet technology into the EFL classroom: a case study*. International Journal of Pedagogies & Learning, 2, 3